

Malaysia tuan rumah sesi kesatuan Parlimen OIC

um- 13/2/2007

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Malaysia akan menjadi tuan rumah Sesi Kesembilan Majlis Kesatuan Parlimen Negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (PUIC) yang akan dihadiri oleh speaker dan anggota parlimen kesatuan yang dianggotai 47 negara itu.

Pegawai Perhubungan Korporat Dewan Rakyat, Ahmad Asri Zakaria berkata, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib akan mempengerusikan sesi tahunan itu bermula esok sehingga Jumaat ini.

Sesi itu antara lain akan membahaskan mengenai hal ehwal politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial negara anggota kesatuan, katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Meluluskan

Sesi kelapan majlis itu berlangsung di Istanbul, Turki tahun lepas yang meluluskan pencalonan Malaysia untuk mempengerusikan sesi kesembilan.

PUIC diwujudkan pada 1999 dengan ibu pejabat tetapnya di Teheran, Iran dan objektif utamanya termasuk menyediakan rangka kerja bagi kerjasama dan penyelarasan yang menyeluruh serta membuah hasil di kalangan anggota parlimen negara anggota OIC.

PUIC mempunyai empat badan iaitu persidangan, majlis, jawatankuasa eksekutif dan sekretariat masing-masing dengan tugas khusus.

- **Bernama**